



# PARLIMEN MALAYSIA



## **RANG UNDANG-UNDANG**

**Perbekalan 1990**

**DR.38/1989**

RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan 1990. Tajuk ringkas.

2. Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi empat belas ribu tujuh ratus lapan puluh enam juta enam ratus tiga puluh ribu sembilan ratus lapan puluh ringgit (\$14,786,630,980) daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 adalah dengan ini dibenarkan, dan wang tersebut itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual. Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990.

JADUAL

| Maksud                                          | Tajuk | Amaun         |
|-------------------------------------------------|-------|---------------|
| B. 1 .. Parlimen .. .. .                        |       | \$ 15,569,000 |
| B. 2 .. Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja |       | 610,300       |
| B. 3 .. Jabatan Audit .. .. .                   |       | 24,669,200    |

| Maksud   | Tajuk                                        | Amaun         |
|----------|----------------------------------------------|---------------|
| B. 4 ..  | Suruhanjaya Pilihanraya .. ..                | \$ 9,841,000  |
| B. 5 ..  | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam                | 9,089,400     |
| B. 6 ..  | Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan          | 3,851,000     |
| B. 7 ..  | Jabatan Perdana Menteri ..                   | 418,092,310   |
| B. 8 ..  | Jabatan Perkhidmatan Awam ..                 | 527,183,600   |
| B. 9 ..  | Jabatan Perangkaan .. ..                     | 33,728,800    |
| B. 10 .. | Jabatan Peguam Negara .. ..                  | 11,664,800    |
| B. 11 .. | Badan Pencegah Rasuah .. ..                  | 20,727,800    |
| B. 12 .. | Jabatan Perpaduan Negara ..                  | 17,214,800    |
| B. 13 .. | Kementerian Kehakiman ..                     | 48,268,100    |
| B. 14 .. | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  | 50,407,400    |
| B. 15 .. | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa          | 9,368,200     |
| B. 16 .. | Jabatan Perkhidmatan Bomba ..                | 73,875,100    |
| B. 17 .. | Kementerian Belia dan Sukan ..               | 38,644,900    |
| B. 18 .. | Kementerian Perusahaan Utama                 | 87,395,600    |
| B. 19 .. | Kementerian Pertanian .. ..                  | 676,760,500   |
| B. 20 .. | Kementerian Perdagangan dan Perindustrian    | 103,686,400   |
| B. 21 .. | Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan .. .. | 99,782,900    |
| B. 22 .. | Muzium Negara .. ..                          | 3,825,500     |
| B. 23 .. | Jabatan Arkib Negara .. ..                   | 7,343,500     |
| B. 24 .. | Jabatan Perpustakaan Negara ..               | 6,222,500     |
| B. 25 .. | Kementerian Pertahanan ..                    | 2,309,459,000 |
| B. 26 .. | Kementerian Pendidikan ..                    | 4,664,243,600 |
| B. 27 .. | Kementerian Luar Negeri ..                   | 140,342,200   |
| B. 28 .. | Perbendaharaan .. ..                         | 97,765,700    |
| B. 29 .. | Perkhidmatan Am Perbendaharaan               | 216,195,050   |
| B. 30 .. | Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun     | 268,836,000   |
| B. 31 .. | Jabatan Kastam dan Eksais Diraja             | 148,395,000   |
| B. 32 .. | Jabatan Hasil Dalam Negeri ..                | 96,714,600    |
| B. 33 .. | Kementerian Perusahaan Awam                  | 22,032,400    |
| B. 34 .. | Kementerian Kesihatan .. ..                  | 1,278,135,500 |

| Maksud    | Tajuk                                              | Amaun                   |
|-----------|----------------------------------------------------|-------------------------|
| B. 35 ..  | Kementerian Dalam Negeri ..                        | \$ 90,769,900           |
| B. 36 ..  | Polis Diraja Malaysia .. ..                        | 1,153,616,000           |
| B. 37 ..  | Jabatan Imigresen .. ..                            | 49,801,300              |
| B. 38 ..  | Jabatan Pendaftaran Pertubuhan                     | 2,966,500               |
| B. 39 ..  | Jabatan Pendaftaran Negara ..                      | 46,360,000              |
| B. 40 ..  | Jabatan Penjara .. ..                              | 99,550,000              |
| B. 41 ..  | Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ..                    | 28,963,500              |
| B. 42 ..  | Jabatan Percetakan Negara ..                       | 29,903,000              |
| B. 43 ..  | Jabatan Pertahanan Awam ..                         | 2,562,100               |
| B. 44 ..  | Kementerian Penerangan ..                          | 224,521,300             |
| B. 45 ..  | Kementerian Buruh .. ..                            | 56,806,400              |
| B. 46 ..  | Kementerian Sains, Teknologi<br>dan Alam Sekitar   | 74,502,700              |
| B. 47 ..  | Kementerian Pengangkutan ..                        | 143,302,800             |
| B. 48 ..  | Jabatan Penerbangan Awam ..                        | 10                      |
| B. 49 ..  | Kementerian Tenaga, Telekom<br>dan Pos             | 164,246,000             |
| B. 50 ..  | Jabatan Perkhidmatan Pos ..                        | 10                      |
| B. 51 ..  | Kementerian Kebajikan Masya-<br>rakat              | 55,574,900              |
| B. 52 ..  | Kementerian Kerja Raya ..                          | 377,191,000             |
| B. 53 ..  | Kementerian Kemajuan Tanah<br>dan Kemajuan Wilayah | 334,336,400             |
| B. 54 ..  | Kementerian Pembangunan<br>Negara dan Luar Bandar  | 311,715,500             |
| JUMLAH .. |                                                    | <u>\$14,786,630,980</u> |

### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini membuat peruntukan bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak empat belas ribu tujuh ratus lapan puluh enam juta enam ratus tiga puluh ribu sembilan ratus lapan puluh ringgit (\$14,786,630,980) untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan supaya wang tersebut itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual. [PN. (U<sup>2</sup>) 1579.]